

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 09 Mac 2016 9:43
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PANTUN UNTUKMU ANJUNG TAMU



09 FEBRUARI 2016 / 29 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

PANTUN UNTUKMU ANJUNG TAMU



ANJUNG TAMU ONLINE: Sempena Discover UUM 2016, Anjung Tamu yang dirasmikan oleh Naib Canselor UUM ke 7, Yang Berbahagia Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak pada 15 Jun 2014 telah menerima ribuan tetamu, pelawat dan pelanggan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Sebuah pantun telah dicipta khas oleh seorang Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML, UUM CAS) yang bertajuk :

UNTUKMU ANJUNG TAMU

Cincin di jari daripada fidah,
 Dipakai si dara anak mama;
 Anjung Tamu tersergam indah,
 Mercu tanda UUM ternama.

Tenang berehat anak Bajau,
 Di bawah pokok asam jawa;

Anjung Tamu di rimba hijau,
Alam tenang menyentuh jiwa.

Wau terbang ditarik lirik,
Bermain sampai waktu petang;
Rekaan unik tepak sirih,
Daya tarikan tamu datang.

Tebang buluh di tepi baran,
Buluh berbunyi tok-tok;
Pokok sintok jadi pameran,
Itulah asal nama Sintok.

Isi delima berwarna merah,
Putih pula isi berangan;
Di Anjung Tamu hayati sejarah,
Sejarah Sintok abadi kenangan.

Tumbuhan herba sudah diramu,
Sukatan tepat hendaklah dibena;
Kenangan manis di Anjung Tamu,
Di kampus UUM, kenangan bermakna.

Azmi Rahman
SEML, UUM CAS
Sintok
2016

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

